

08 MAR 2000

Samy-Laporan

MIC SERAH LAPORAN MENGENAI PEKERJA LADANG KEPADA KABINET

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini menyerahkan laporan terperinci yang menggariskan cadangan MIC bagi memperbaiki taraf hidup para pekerja ladang getah dan kelapa sawit, termasuk melaksanakan sistem gaji bulanan.

Samy Vellu yang juga presiden MIC berkata meskipun isu gaji hanya membabitkan penoreh getah, parti itu merasakan bahawa pemetik buah kelapa sawit juga patut dibayar gaji tetap bulanan.

"Perlu ada tanda aras bagi penoreh getah dan pemetik buah, tetapi tidak semestinya tanda aras yang sama," katanya kepada pemberita semasa mendedahkan kandungan laporan itu di pejabatnya di sini.

Samy Vellu berkata penoreh getah kini memperolehi pendapatan antara RM800 dan RM1,000 sebulan manakala pemetik buah menerima antara RM800 dan RM1,400 yang bergantung kepada jumlah hasil.

"Jika hasil kutipan baik, mereka mendapat lebih dan jika tidak akibat masalah cuaca, mereka dibayar kurang," katanya.

Jumaat lepas, Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) bersetuju secara prinsipnya melaksanakan sistem gaji bulanan.

Keputusan itu dibuat dua hari selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Kementerian Sumber Manusia menjalankan kajian mengenainya yang membawa kepada pembentukan sebuah jawatankuasa di bawah kementerian terbabit.

Samy Vellu berkata jawatankuasa itu juga harus mengambil kira masalah yang dihadapi oleh pekerja ladang kelapa sawit.

Menurutnya laporan itu merupakan "sumber berguna" kepada jawatankuasa berkenaan yang akan diketuai oleh dekan Fakulti Ekonomi Universiti Malaya.

Laporan bertajuk "Kajian Pekerja Ladang ke Alaf Baru" disediakan oleh Yayasan Strategik Sosial MIC.

Antara cadangan itu ialah pekerja ladang perlu dijadikan sebagai kumpulan sasar utama dalam Rancangan Malaysia Ke-Lapan dan Rangka Rancangan Jangka Panjang ketiga.

Di bawah rancangan itu, bidang-bidang yang patut dikenalpasti dan diberi pertimbangan khas ialah:

* Skim bekalan elektrik dan air untuk kesemua rumah di ladang-ladang MAPA dan bukan MAPA.

* Pemilikan rumah di semua skim perumahan kos rendah dengan keutamaan serta peratusan tertentu dikhususkan kepada pekerja ladang.

* Pembaikan serta merta ke atas kemudahan infrastruktur dan bangunan sekolah baru yang lengkap dengan peralatan canggih.

Samy Vellu juga berkata Dr Mahathir sudah mengarahkan Kementerian Perusahaan Utama menjalankan kajian mengenai kesan peralihan ladang getah kepada kelapa sawit kepada ekonomi.

Menurutnya Perdana Menteri berkata bahawa masih ada permintaan yang tinggi bagi getah dan produk-produk getah seperti perabot dalam pasaran antarabangsa.

-- BERNAMA

ES LAT